

Jangan peralatkan agama untuk kepentingan diri—PM

BH 1 JUL 1986

KETEREH, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sekali lagi mengingatkan rakyat supaya jangan memeralatkan agama untuk kepentingan sendiri kerana perbuatan itu buruk padanya.

"Pas menyalahgunakan agama sebagai asas penubuhannya dan pemimpinnya mengeluarkan fatwa sesuka hati, sudah tentu mereka tidak boleh lari dari menerima pembalasan kelak," katanya sewaktu berucap di perasmian persidangan tahunan Umno Bahagian Kok Lanas di Padang Majlis Daerah Kota Bharu, dekat sini, petang semalam.

Iri hati

Lebih 5,000 penyokong hadir di perhimpunan itu.

Katanya, Pas ditubuhkan bukan berasaskan pada agama Islam, tetapi pemimpin-pemimpinnya menggunakan agama sebagai jalan mencapai hasrat untuk memenangi pilihanraya.

"Pas ditubuhkan oleh orang yang keluar dari Umno. Mereka mempunyai kepentingan sendiri dan berasa iri hati apabila tidak mencapai apa yang dihajati ketika dalam Umno," jelasnya.

"Sebab itu Pas berjuang atas sikap membenci, terutama terhadap kaum yang seagama dengan pemimpinnya," kata Perdana Menteri.

"Kalau mereka tinggal di negara yang mengamalkan pemerintahan diktator, sudah tentu mereka akan menerima pembalasan seperti ditembak beramai-ramai atau dipenjara.

"Tetapi mereka bernas

sib baik dan masih bebas disebabkan kerajaan mengamalkan demokrasi. Kita tidak akan mengambil tindakan sewenang-wenangnya selagi kajian terperinci tidak dijalankan," tambahnya.

Beliau mengajak ahli Umno supaya memastikan generasi yang lahir

selepas penubuhan Pas supaya tidak terjebak dengan perangkap pelbagai dakyah kotor parti itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, golongan itu tidak mengetahui dasar perjuangan Pas yang sebenar dan dengan itu mereka akan mudah dipengaruhi.